

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (KELANA JAYA)**

**TARIKH : 31.10.2016**

**NO. SOALAN : 38 32**

**YB TUAN WONG CHEN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:**

- a. apakah status rundingan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP); dan
- b. sudahkan satu analisis kos faedah Perjanjian RCEP dikendalikan.

**JAWAPAN:**

Tuan yang Di Pertua,

1. Sehingga Oktober 2016, sebanyak 15 pusingan rundingan RCEP telah dijalankan. RCEP secara tentatifnya mempunyai sebanyak 20 bab atau *Annex* seperti berikut:

- (i) *Preamble;*
- (ii) *Establishment, Objectives and General Definitions;*

- (iii) *Trade in Goods*;
- (iv) *Rules of Origin*;
- (v) *Customs Procedures and Trade Facilitation*;
- (vi) *Sanitary and Phytosanitary*;
- (vii) *Standards, Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures*;
- (viii) *Trade in Services*;
- (ix) *Financial Services*;
- (x) *Telecommunications Services*;
- (xi) *Electronic Commerce*;
- (xii) *Investment*;
- (xiii) *Economic and Technical Cooperation*;
- (xiv) *Small and Medium Enterprises*;
- (xv) *Intellectual Property*;
- (xvi) *Competition*;
- (xvii) *General Provisions and Exceptions*;
- (xviii) *Institutional Provisions*;
- (xix) *Dispute Settlement*; dan
- (xx) *Final Provisions*.

2. Satu Bab telah dimuktamadkan iaitu *Bab Economic and Technical Cooperation*. Bab ini dimuktamadkan di pusingan rundingan ke-15 RCEP di Tianjin, Republik Rakyat China dari 11 hingga 21 Oktober 2016. Teks perjanjian RCEP yang lain sedang dirundingkan dengan lebih intensif bagi memastikan ianya dapat dimuktamadkan secepat mungkin.

3. Fokus rundingan kini masih kepada akses pasaran dalam bab perdagangan barang, perkhidmatan dan pelaburan. Malahan Menteri-Menteri yang bertanggungjawab terhadap RCEP akan mengadakan perjumpaan di Cebu, Filipina pada 3 dan 4 November 2016 untuk memberikan kata putus mengenai tahap liberalisasi bagi perdagangan barang, perkhidmatan dan pelaburan. Perjumpaan peringkat Menteri ini adalah perlu supaya komitmen-komitmen yang dirundingkan sejajar dengan kapasiti ekonomi negara masing-masing dan akan memberikan manfaat ekonomi secara keseluruhan.

4. Pada masa ini juga, tiada persetujuan untuk meluaskan skop rundingan RCEP untuk merangkumi isu-isu seperti Perolehan Kerajaan, Alam Sekitar dan Buruh.

5. Dijangka sebanyak 1 pusingan rundingan lagi akan diadakan sehingga penghujung tahun ini bagi RCEP. Walau pun RCEP disasarkan untuk dimuktamadkan pada akhir tahun 2016 namun ia mungkin memerlukan masa lagi sebelum semua isu-isu termasuk isu-isu teknikal dapat dipersetujui.

Tuan yang Di Pertua,

6. Kerajaan akan mempertimbangkan sekiranya terdapat keperluan untuk menggunakan pendekatan TPPA untuk RCEP dalam hal analisis kos faedah. Ini adalah kerana RCEP dirundingkan dalam dinamik yang berbeza berdasarkan FTA ASEAN yang telah wujud. Oleh yang demikian, adalah

tidak wajar untuk menilai RCEP sebagai sebuah perjanjian perdagangan yang baru.

7. Pertimbangan untuk merundingkan RCEP tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Dua kaji selidik integrasi ekonomi melibatkan ASEAN + 3 dan dua kaji selidik integrasi ekonomi ASEAN + 6 telah dilakukan dan dibentangkan di peringkat Ketua-Ketua Negara dari 22 Julai 2006 sehingga 3 Julai 2009. Kajian-kajian ini secara amnya menyarankan bahawa integrasi ekonomi ASEAN + 3 dan ASEAN + 6 adalah berfaedah kepada pembangunan ekonomi rantau ini. Ketua-ketua negara juga memutuskan bahawa konsep integrasi ASEAN + 6 yang merangkumi India perlu dilakukan memandangkan India merupakan satu pasaran yang sedang membangun dan amat penting bagi rantau ASEAN.

8. ASEAN telah mengambil langkah untuk hanya memulakan rundingan RCEP pada tahun 2013 setelah semua rundingan-dengan keenam-enam rakan FTA ASEAN dalam RCEP, melalui Perjanjian ASEAN + 1 dimuktamadkan. Ini adalah bagi memastikan ASEAN mempunyai asas yang kukuh sewaktu rundingan RCEP. Setelah pelaksanaan kesemua FTA ASEAN + 1, didapati wujudnya keperluan untuk menyelaraskan kesemua FTA tersebut memandangkan terdapatnya kesalinghubungan perdagangan dan pelaburan di antara kesemua negara-negara perunding RCEP. Hal ini adalah selari dengan maklumbalas yang diterima daripada sektor swasta sebagai pengguna utama FTA tersebut. Sektor swasta juga turut mengutarakan keperluan untuk mengurangkan halangan perdagangan bukan tarif yang masih wujud.

9. Antara faedah-faedah RCEP kepada Malaysia adalah:

- (i) wujudnya penyelarasan peraturan-peraturan dan prosedur yang pada masa ini berbeza di bawah setiap FTA ASEAN. Sektor swasta berpandangan bahawa perbezaan ini menyebabkan kerumitan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikut prosedur yang berlainan bagi setiap FTA ASEAN. Ini melibatkan kos tambahan dan masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan;
- (ii) peluang untuk memperoleh bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah serta boleh digunakan dalam perkiraan bagi pematuhan kepada Peraturan Tempasal (*Rules of Origin – ROO*). ROO merupakan penentu sama ada produk yang dihasilkan dapat menggunakan bahan mentah dan input daripada negara-negara ahli RCEP. Ini adalah penting untuk memastikan aktiviti pengeluaran dilaksanakan dalam negara-negara RCEP;
- (iii) memfasilitasikan integrasi syarikat-syarikat di rantau ini dalam rantaian nilai global (*global supply chain*) yang merupakan satu kemestian dalam syarikat-syarikat rantau ini untuk lebih kompetitif di peringkat antarabangsa sererusnya menjadi syarikat bertaraf global (*global players*);

- (iv) RCEP melibatkan negara Republik Rakyat China dan India yang kini mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan akan memberi peluang bagi Malaysia dan lain-lain negara ASEAN untuk memperluaskan eksport barang dan perkhidmatan di kedua-dua pasaran berkenaan. Pada masa ini tiada sebarang perjanjian perdagangan yang menghubungkan kedua-dua negara besar ini kecuali RCEP; dan
- (v) Bagi Malaysia, ini adalah amat penting kerana terdapat pasaran-pasaran eksport yang masih belum dibuka sepenuhnya kepada produk-produk kepentingan eksport Malaysia.

10. Malaysia juga akan menikmati akses dan liberalisasi pasaran yang lebih baik berbanding dengan komitmen yang sedia ada di bawah kerangka FTA ASEAN. Pada tahun 2015, sebanyak 62.5% perdagangan Malaysia adalah dengan negara-negara perunding RCEP.